

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1991

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN BARU
BERDASARKAN LAPORAN JAWATANKUASA
KHAS KABINET MENGENAI GAJI
SEKTOR AWAM 1991

KANDUNGAN


<i>Bil.</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka Surat</i>
1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	GLOSERI ISTILAH	1
4.	STRUKTUR PERKHIDMATAN	1
	Kumpulan Perkhidmatan	2
	Penentuan Jawatan-jawatan Utama dan Gred Khas	2
	Klasifikasi Perkhidmatan	2
	Pembentukan Semula Skim-skim Perkhidmatan	3
	Format Iklan Bagi Lantikan Baru	3
	Perkhidmatan-perkhidmatan Kritikal	3
	Kedudukan Skim-skim Perkhidmatan Jumud	3
	Kedudukan Skim-skim Perkhidmatan <i>Ad Hoc</i>	3
	Pengasingan Pengurusan Saraan Badan-badan Berkanun Tertentu	4
5.	STRUKTUR SARAAN	4
	Struktur Saraan Baru	4
	Jadual Gaji Matriks	4
	Prinsip Pemindahan Gaji	5
	Kaedah Pemindahan Gaji	5
	Sifir Pemindahan Gaji	5
	Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji	5
	Tanggagaji Khas Untuk Penyandang	7
	Anggota Yang Kekal Dalam Skim Dan Syarat-syarat Perkhidmatan	7
	Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	7
	Pemindahan Gaji Bagi Guru Sandaran	7
	Pelarasan Gaji Bagi Anggota Yang Dilantik Secara Sementara	7
	Atau Kontrak	
	Penetapan Kadar Bayaran Anggota Yang Diambil Secara Sambilan	7
	Dan Sangkut	
	Prinsip dan Kriteria Pemberian Elaun	7
	Elaun Yang Dikekalkan	8
	Elaun Baru	8
	Elaun Yang Digugurkan	8
	Prinsip Dan Kriteria Pemberian Kemudahan	8
	Kemudahan Yang Dikekalkan	9
	Kemudahan Baru	9
	Kemudahan Yang Digugurkan	9
	Kaedah Baru Pembayaran Elaun dan Pemberian Kemudahan	9
	Elaun dan Kemudahan Bagi Anggota Yang Berkhidmat Di Luar Negeri	10

<i>Bil.</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka Surat</i>
6.	SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN	10
	Perlantikan	10
	Tempoh Percubaan	10
	Pemberian Taraf Berpencen	10
	Prinsip Penetapan Gaji Masuk	10
	Prinsip Penetapan Gaji Bagi Kenaikan Pangkat	11
	Pergerakan Gaji Tahunan	11
	Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan	12
	Kenaikan Pangkat Dan Sistem Penilaian Prestasi	12
	Elaun Gabungan Gred	13
7.	FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN	13
	Faedah-faedah Persaraan	13
	Tempoh Perkhidmatan Yang Terputus	13
	Persaraan Pilihan Sendiri	13
8.	OPSYEN DAN PILIHAN SENDIRI	14
	Opsyen	14
	Tempoh Opsyen	14
	Pelaksanaan Opsyen	14
	Anggota Yang Cuti Berkursus Atau Bercuti Tanpa Gaji Dalam Tempoh Opsyen	14
	Anggota Yang Bersara Dalam Tempoh Opsyen	14
	Anggota Yang Meninggal Dunia Dalam Tempoh Opsyen	14
	Syarat-syarat Opsyen	14
9.	JENTERA PENYELESAIAN TUNTUTAN ANOMALI	15
	Tuntutan Anomali	15
	Rujukan Anomali	15
10.	GARIS PANDUAN	15
11.	UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN YANG PERLU DIUBAHSUAI ATAU DIMANSUHKAN	15
12.	PEMAKAIAN	15

SENARAI LAMPIRAN

		Muka Surat
Lampiran A	– Glosari Istilah	19
Lampiran B1	– Klasifikasi Perkhidmatan	25
Lampiran B2	– Senarai Skim Perkhidmatan Baru Di Bawah Sistem Saraan Baru	29
Lampiran B3	– Skim-skim Perkhidmatan Baru	55
Lampiran B4	– Contoh Format Iklan Skim Perkhidmatan Baru	803
Lampiran B5	– Senarai Perkhidmatan Kritikal	807
Lampiran B6	– Senarai Skim Perkhidmatan Yang Telah Jumud Sebelum Pelaksanaan Sistem Saraan Baru	811
Lampiran B7	– Skim-skim Perkhidmatan Baru Untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Telah Jumud Sebelum Sistem Saraan Baru	815
Lampiran B8	– Format Keterangan Lanjut Skim Perkhidmatan Jumud Yang Tidak Tersenarai Dalam Lampiran B6	869
Lampiran B9	– Senarai Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Dalam Pelaksanaan Sistem Saraan Baru	873
Lampiran B10	– Skim-skim Perkhidmatan Baru Untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Dijumudkan Dalam Pelaksanaan Sistem Saraan Baru	879
Lampiran B11	– Syarat KPSL Secara Istimewa Bagi Penyandang Dalam Perkhidmatan Jumud Kesan Dari Pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal dan Struktur Baru Perkhidmatan Pentadbiran Ke Perkhidmatan Yang Lebih Tinggi Di Bawah SSB	1019
Lampiran B12	– Syarat KPSL Penyandang Dalam Perkhidmatan Jumud Ke Perkhidmatan Yang Lebih Tinggi Di Bawah SSB	1023
Lampiran B13	– Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Penyandang- penyandang Yang Dilantik Menerusi KPSL Di Bawah SSB	1035
Lampiran B14	– Format Keterangan Lanjut Yang Diperlukan Untuk Sesuatu Perkhidmatan <i>Ad Hoc</i>	1039
Lampiran C1	– Indeks Skim Perkhidmatan dan Sifir Pemindahan Gaji	1045

	Muka Surat	
Lampiran C2	– Sifir Pemindahan Gaji Bagi Jawatan Utama	1289
Lampiran C3	– Sifir Pemindahan Gaji Bagi Jawatan Gred Khas	1299
Lampiran C4	– Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji Anggota Yang Berpindah Daripada Dua Atau Lebih Matagaji Kepada Satu Matagaji Pada 1 Januari 1992	1305
Lampiran D1	– Senarai Elaun Yang Dikekalkan	1311
Lampiran D2	– Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas	1317
Lampiran D3	– Senarai Elaun Yang Digugurkan	1321
Lampiran D4	– Senarai Kemudahan Yang Dikekalkan	1325
Lampiran D5	– Jadual Pemberian Elaun dan Kemudahan Mengikut Kategori	1329
Lampiran D6	– Syarat, Kelayakan Serta Kadar Elaun Dalam Sistem Saraan Baru Berdasarkan Kaedah Baru	1333
Lampiran D7	– Syarat, Kelayakan Serta Kadar Kemudahan Dalam Sistem Saraan Baru Berdasarkan Kaedah Baru	1347
Lampiran E1	– Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan Baru Kepada Anggota Tetap Sektor Awam	1355
Lampiran E2	– Borang Pilihan Sendiri	1363



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1991

PELAKSANAAN SISTEM SARAAN BARU BERDASARKAN LAPORAN JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI GAJI SEKTOR AWAM 1991

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan Sistem Saraan Baru yang melibatkan struktur perkhidmatan yang merangkumi skim-skim perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan, syarat-syarat perkhidmatan dan faedah persaraan bagi semua anggota lantikan tetap sektor awam mulai **1 Januari 1992**.
2. Pekeliling ini juga menjelaskan kaedah pemindahan dan pergerakan gaji di bawah Sistem Saraan Baru.

LATAR BELAKANG

3. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam (JKK-MGSA) 1991 telah mengkaji sistem dan struktur perkhidmatan sektor awam secara menyeluruh dengan tujuan untuk membentuk satu sistem pengurusan personel sektor awam yang boleh meningkatkan keupayaan dan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menghadapi perubahan dan cabaran persekitaran masa hadapan.
4. Hasil kajian Jawatankuasa ini yang dikemukakan dalam *Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991* telah diterima oleh Kerajaan. Berdasarkan Laporan itu, Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan **Sistem Saraan Baru (SSB)**.
5. SSB mengutamakan dua unsur penting, iaitu, **fleksibiliti** dan **galakan** untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti perkhidmatan bagi mempercepatkan proses pembangunan negara.

GLOSERI ISTILAH

6. Beberapa istilah baru berhubung dengan skim-skim perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan digunakan dalam Pekeliling ini. Tafsiran istilah tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

STRUKTUR PERKHIDMATAN

7. Kerajaan telah bersetuju supaya beberapa perubahan dan pengukuhan dibuat kepada struktur perkhidmatan sektor awam mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976). Perubahan ini perlu sebagai satu langkah strategik jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan sektor awam bagi memainkan peranannya secara cekap dan berkualiti dalam proses pembangunan negara.

Kumpulan Perkhidmatan

8. Di bawah struktur perkhidmatan sektor awam mengikut Laporan JKK 1976, kumpulan gaji dibahagikan kepada empat, iaitu, Kumpulan A, B, C dan D. Dalam SSB, struktur ini disusun semula kepada tiga kumpulan perkhidmatan, iaitu, **Kumpulan Pengurusan Tertinggi**, **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** dan **Kumpulan Sokongan**. Kumpulan gaji mengikut Laporan JKK 1976 yang bersamaan dan yang diganti oleh tiga kumpulan baru ini adalah seperti di **Jadual 1-1**.

JADUAL 1-1

KUMPULAN PERKHIDMATAN

<i>Kumpulan Perkhidmatan Baru</i>	<i>Gred-gred Mengikut Laporan JKK 1976</i>
Kumpulan Pengurusan Tertinggi (a) Jawatan-jawatan Utama (b) Jawatan-jawatan Gred Khas	Tingkatan Tertinggi ‘C’ dan ke atas
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Semua gred di bawah Kumpulan Gaji A daripada Tingkatan Tertinggi ‘D’ dan ke bawah (kecuali A24 dan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang digolongkan dalam Kumpulan Sokongan)
Kumpulan Sokongan	Semua gred di bawah Kumpulan Gaji B, C dan D termasuk IMG.

9. Tujuan memperkemaskan struktur perkhidmatan adalah untuk mengurangkan peringkat-peringkat hierarki yang kurang perlu serta mengatasi masalah-masalah organisasi berkaitan dengan pengagihan tugas serta penentuan gred jawatan.

Penentuan Jawatan-jawatan Utama Dan Gred Khas

10. Penentuan **Jawatan-jawatan Utama** ialah untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti kepimpinan pengurusan dalam sektor awam. **Jawatan-jawatan Gred Khas** pula ditentu berdasarkan pengiktirafan tahap kepakaran dan pengalaman penyandangnya.

11. Jawatan-jawatan Utama adalah jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi ‘C’ dan ke atas dalam struktur perkhidmatan mengikut Laporan JKK 1976 termasuk jawatan-jawatan setaraf dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tentera dan Polis yang menjalankan tugas pengurusan peringkat tertinggi dan penggubalan dasar negara.

12. Jawatan-jawatan Gred Khas adalah jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi ‘C’ dan ke atas dalam struktur perkhidmatan mengikut Laporan JKK 1976 yang memerlukan kepakaran dan pengalaman tertentu tetapi tidak menjalankan tugas pengurusan peringkat tertinggi dan penggubalan dasar negara.

13. Penentuan jawatan-jawatan Utama dan Gred Khas adalah diputuskan oleh **Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi**.

Klasifikasi Perkhidmatan

14. Skim-skim perkhidmatan tetap dalam perkhidmatan awam adalah disusun semula kepada 19 **Klasifikasi Perkhidmatan** berdasarkan persamaan peranan, bidang dan fungsi. Senarai Klasifikasi Perkhidmatan berkenaan adalah seperti di **Lampiran B1**.

Pembentukan Semula Skim-skim Perkhidmatan

15. Senarai skim-skim perkhidmatan tetap mengikut Laporan JKK 1976 kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera, adalah dibentuk semula di bawah klasifikasi masing-masing seperti di **Lampiran B2**. Skim-skim perkhidmatan yang baru adalah seperti di **Lampiran B3**. Skim-skim perkhidmatan bagi Polis Di Raja Malaysia akan di keluarkan secara berasingan.

Format Iklan Bagi Lantikan Baru

16. Semua perlantikan ke dalam perkhidmatan awam mulai 1 Januari 1992 hendaklah mengikut skim-skim perkhidmatan baru di bawah SSB. Format iklan hendaklah diasaskan kepada skim-skim perkhidmatan itu mengikut contoh seperti di **Lampiran B4**.

Perkhidmatan-perkhidmatan Kritikal

17. Beberapa perkhidmatan ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal berdasarkan perkara-perkara berikut:

- 17.1 peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara;
- 17.2 persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih;
- 17.3 kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan tersebut; dan
- 17.4 keadaan persekitaran tempat kerja.

18. Berdasarkan kajian awal, Kerajaan telah menetapkan beberapa perkhidmatan sebagai Perkhidmatan Kritikal seperti senarai di **Lampiran B5**.

19. Bagi menarik calon dan mengekalkan anggota dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, suatu bayaran insentif disediakan. Kadar bagi **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal** adalah seperti ditetapkan di perenggan 52.2.

20. Kedudukan Perkhidmatan Kritikal akan ditentukan semula **setiap lima tahun** sekali.

Kedudukan Skim-skim Perkhidmatan Jumud

21. Skim-skim perkhidmatan yang jumud di bawah Laporan JKK 1976 akan terus jumud di bawah SSB. Senarainya adalah seperti di **Lampiran B6**.

22. Skim perkhidmatan yang jumud tersebut adalah juga diperuntukkan skim baru untuk menampung penyandang yang sedia ada. Skim-skim perkhidmatan baru bagi perkhidmatan yang jumud ini adalah seperti di **Lampiran B7**. Agensi diminta menyemak jika ada lagi perkhidmatan jumud yang tidak disenaraikan di **Lampiran B6** dan mengemukakan maklumat mengenainya berdasarkan format di **Lampiran B8** ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

23. Skim-skim perkhidmatan yang **dijumudkan di bawah SSB** seperti disenaraikan di **Lampiran B9** adalah juga diperuntukkan skim baru seperti di **Lampiran B10** bagi menampung penyandang yang sedia ada. Pengambilan baru ke perkhidmatan-perkhidmatan ini dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang telah jumud sebelum ini tidak dibenarkan.

24. Perbekalan **Kenaikan Pangkat Secara Lantikan** (KPSL) ke perkhidmatan yang lebih tinggi yang wujud sebelum pelaksanaan SSB, di mana sesuai, dikekalkan. Perbekalan KPSL yang dikekalkan dalam skim-skim berkaitan adalah seperti di **Lampiran B11, B12** dan **B13**.

25. Peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan jumud akan dikekalkan.

Kedudukan Skim-skim Perkhidmatan *Ad Hoc*

26. Skim-skim perkhidmatan *ad hoc* dikekalkan dalam bentuk yang ada sehingga kajian lanjut dibuat atas perkhidmatan berkenaan. Ketua agensi diminta menyemak perkhidmatan *ad hoc* yang terdapat di agensi masing-masing dan mengemukakan maklumat mengenainya ke JPA mengikut format di **Lampiran B14**.


Pengasingan Pengurusan Saraan Badan-badan Berkanun Tertentu

27. Pengasingan pengurusan saraan Badan-badan Berkanun tertentu bertujuan untuk menjadikan agensi-agensi ini lebih bertanggungjawab (*accountable*) serta responsif kepada kehendak persekitaran dengan diberi kebebasan pengurusan yang diperlukan. Badan-badan Berkanun yang menjalankan fungsi-fungsi yang bercorak komersial dan pelaburan serta sudahpun mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh seperti **Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Pertubuhan Keselamatan Sosial** diasingkan pengurusan saraannya daripada sistem saraan sektor awam. Kerajaan akan mengkaji Badan-badan Berkanun yang boleh diberikan taraf pengasingan pengurusan saraan dari semasa ke semasa.

STRUKTUR SARAAN

Struktur Saraan Baru

28. Struktur Saraan Baru mengandungi Gaji Pokok, Imbuhan Tetap dan Komponen Berubah. Gambar rajah Struktur Saraan Baru adalah seperti di bawah:



29. Huraian kepada komponen-komponen tersebut adalah seperti berikut:

- 29.1 **Gaji Pokok** adalah amaun yang ditetapkan bagi anggota sektor awam berdasarkan konsep gaji yang berpatutan untuk menyara keperluan asas, iaitu, **makanan, pakaian dan perumahan**;
- 29.2 **Imbuhan Tetap** meliputi **Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian, Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas**; dan
- 29.3 **Komponen Berubah** merupakan **unsur baru** yang menepati keperluan fleksibiliti dan galakan dalam SSB. Antara bayaran yang ditetapkan dalam komponen ini ialah **Imbuhan Tahunan dan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal**. Imbuhan Tahunan adalah bayaran yang dibuat tertakluk kepada keadaan ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Jadual Gaji Matriks

30. Jadual Gaji Matriks [*Matrix Salary Schedule (MSS)*] diwujudkan dalam SSB untuk keseluruhan perkhidmatan awam **kecuali** Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas yang menggunakan tanggagaji berbentuk selapis.

31. Struktur gaji dalam *MSS* mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- 31.1 matagaji mengikut susunan **Tangga (T)** secara **mendarat (horizontal)**;
- 31.2 setiap gred dalam *MSS* mengandungi tiga **Peringkat (P)** matagaji yang disusun secara **menegak**; dan
- 31.3 matagaji yang disusun mengikut tiga Peringkat itu menetapkan kadar kenaikan yang berbeza, iaitu, kadar pada **P3** adalah lebih tinggi daripada **P2** dan **P2** pula adalah lebih tinggi daripada **P1**.

Contoh MSS bagi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, **Gred N9** adalah seperti di bawah:

Gred N9

	T1	T2	T3	T4	...	T20	T21	T22	T23
P1	470	497	524	551	...	1024	1068	1112	1156
P2	498	526	554	582	...	1090	1136	1182	1228
P3	527	556	585	614	...	1159	1207	1255	1303

Prinsip Pemindahan Gaji

32. Prinsip pemindahan gaji daripada gaji pokok hakiki JKK 1976 kepada SSB hendaklah berdasarkan pemindahan kepada **matagaji yang sama** atau **matagaji yang lebih tinggi berhampiran**.

Kaedah Pemindahan Gaji

33. Pemindahan kepada gaji SSB hendaklah mengambil kira **gaji pokok hakiki** JKK 1976 dan dicampurkan kadar kenaikan yang ditetapkan, iaitu, sama ada 8%, 9% atau 10% mengikut Klasifikasi Perkhidmatan yang berkenaan untuk memperolehi satu jumlah gaji. Jumlah gaji ini dipindahkan kepada matagaji baru yang sama atau matagaji yang lebih tinggi berhampiran di **P1, Tangga yang sesuai** dalam **Gred Gaji MSS** yang berkenaan pada **1 Januari 1992**. Proses pemindahan gaji adalah seperti di **Jadual 2-1**.

JADUAL 2-1

CONTOH PEMINDAHAN GAJI BAGI PEGAWAI KERANI C11

Jawatan	Gaji Pokok Hakiki	Kadar Kenaikan (%)	Jumlah Gaji	Matagaji Baru
Pegawai Kerani (C11)	\$1,065	8% (\$85.20)	\$1,150.20	\$1,156 (P1T23) Gred N9

Pegawai Kerani tanggagaji **C11** adalah tergolong dalam **Klasifikasi Pentadbiran dan Sokongan** di **Gred N9** dalam **MSS**. Contohnya, gaji pokok hakiki anggota berkenaan ialah **\$1,065** sebulan. Gaji pokok hakiki ini hendaklah ditambah sebanyak 8% (\$85.20) menjadikan jumlahnya **\$1,150.20**. Dengan itu, gaji anggota berkenaan akan dipindahkan kepada Gred N9, P1T23, iaitu, **\$1,156**.

34. Bagi Jawatan-jawatan Utama dan Jawatan-jawatan Gred Khas prinsip pemindahan gaji daripada gaji pokok hakiki JKK 1976 kepada gaji SSB hendaklah berdasarkan pemindahan ke **matagaji yang lebih tinggi berhampiran** atas tanggagaji baru bagi gred berkenaan.

Sifir Pemindahan Gaji

35. Indeks mengikut skim perkhidmatan dan sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran C1**. Sifir pemindahan gaji bagi Jawatan-jawatan Utama adalah seperti di **Lampiran C2** dan Gred Khas adalah seperti di **Lampiran C3**.

Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji

36. Kenaikan gaji tahunan diubah kepada pergerakan gaji yang ditetapkan pada salah satu daripada empat tarikh dalam setahun, iaitu, **1 Januari, 1 April, 1 Julai** atau **1 Oktober**.

37. Penetapan tarikh pergerakan gaji baru bagi anggota yang berpindah daripada satu matagaji JKK 1976 kepada satu matagaji baru di MSS adalah seperti berikut:

Tarikh Kenaikan Gaji JKK 1976	Tarikh Pergerakan Gaji SSB
1 Jan., 1 Feb. dan 1 Mac 1991	1 Januari 1993 *
1 April, 1 Mei dan 1 Jun 1991	1 April 1992
1 Julai, 1 Ogos dan 1 Sept. 1991	1 Julai 1992
1 Okt., 1 Nov. dan 1 Dis. 1991	1 Oktober 1992
* Diberi kenaikan gaji tahunan dalam tempoh opsyen	

38. Penetapan tarikh pergerakan gaji anggota yang dilantik atau ditukar lantik atau melangkah titik peningkatan atau naik pangkat pada tahun 1991 adalah seperti berikut:

Tarikh Lantik Atau Tukar Lantik Atau Melangkah Titik Peningkatan Atau Naik Pangkat	Tarikh Pergerakan Gaji SSB
1 Januari hingga 1 Mac 1991	1 Januari 1993 *
2 Mac hingga 1 Jun 1991	1 April 1992
2 Jun hingga 1 September 1991	1 Julai 1992
2 September hingga 1 Disember 1991	1 Oktober 1992
2 Disember hingga 31 Disember 1991	1 Januari 1993
* Diberi kenaikan gaji tahunan dalam tempoh opsyen	

39. Dalam keadaan di mana tarikh kenaikan gaji anggota jatuh pada tarikh kuatkuasa SSB, tarikh kenaikan gajinya ditetapkan sehari sebelum tarikh kuatkuasa bagi maksud pemindahan gaji.

40. Sekiranya tarikh kenaikan gaji anggota jatuh dalam tempoh opsyen, kenaikan gaji pada tarikh tersebut hendaklah diberi sebelum ditentukan tarikh pergerakan gaji dalam MSS.

41. Dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji JKK 1976 berpindah kepada satu matagaji dalam MSS, tarikh pergerakan gaji berubah kepada tarikh baru seperti di **Lampiran C4**.

42. Penetapan tarikh pergerakan gaji anggota yang berada di matagaji maksimum selama dua tahun atau lebih dan yang kurang daripada dua tahun pada **1 Januari 1992** adalah seperti berikut:

Tempoh Masa Di Matagaji Maksimum	Tarikh Pergerakan Gaji SSB
Dua tahun dan ke atas	1 April 1992
Satu tahun ke atas dan kurang daripada dua tahun	1 Julai 1992
Enam bulan dan ke atas dan kurang daripada satu tahun	1 Oktober 1992
Kurang daripada enam bulan	1 Januari 1993

Tanggagaji Khas Untuk Penyandang

43. Sekiranya pemindahan gaji anggota yang berada di atas tanggagaji khas untuk penyandang tidak dapat ditampung di **P1** gaji *MSS*, perkara ini hendaklah dirujuk kepada JPA.

Anggota Yang Kekal Dalam Skim Dan Syarat-syarat Perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976

44. Anggota yang menolak tawaran opsyen SSB akan dibenarkan berkhidmat atas skim perkhidmatan dan syarat-syarat perkhidmatan JKK 1976. Anggota tersebut boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan dengan syarat apabila dinaikkan pangkat, anggota itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

Pemindahan Gaji Bagi Guru Sandaran

45. Faedah pemindahan gaji adalah juga diberi kepada Guru Sandaran berdasarkan *MSS* yang berkaitan. Sifir pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran C1**.

Pelarasan Gaji Bagi Anggota Yang Dilantik Secara Sementara Atau Kontrak

46. Anggota yang dilantik secara sementara atau kontrak layak diberi faedah pelarasan gaji mengikut Klasifikasi Perkhidmatannya di bawah SSB mulai 1 Januari 1992.

Penetapan Kadar Bayaran Anggota Yang Diambil Secara Sambilan Dan Sangkut

47. Kaedah penetapan kadar bayaran bagi pengambilan pekerja sambilan dan sangkut akan ditetapkan secara pentadbiran.

Prinsip Dan Kriteria Pemberian Elaun

48. Pemberian elaun dan kemudahan di bawah SSB bertujuan mendorong anggota berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi. Selaras dengan matlamat ini, **empat prinsip** pemberian elaun ditetapkan, iaitu, **tidak sejagat (non-universal)**, **tidak kekal (non-permanent)**, **tidak biasa (non-regular)** dan **kesaksamaan**. Prinsip tidak sejagat membolehkan pemberian elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan yang ditetapkan. Prinsip tidak biasa pula, menetapkan elaun diberi hanya dalam keadaan-keadaan tertentu. Prinsip tidak kekal menentukan elaun dibayar secara sementara, manakala prinsip kesaksamaan membolehkan elaun diberi kepada anggota perkhidmatan yang layak, secara lebih adil.

49. Pemberian elaun di bawah SSB adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- 49.1 kepakaran;
- 49.2 kemahiran;
- 49.3 kepentingan sesuatu perkhidmatan;
- 49.4 bayaran balik perbelanjaan;
- 49.5 tanggungjawab tambahan;
- 49.6 kos sara hidup;
- 49.7 risiko kerja;
- 49.8 kesusahan;
- 49.9 galakan; dan
- 49.10 keanehan tugas atau perkhidmatan.

50. Berasaskan kepada kriteria pemberian elaun di perenggan 49, elaun-elaun dalam SSB dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

- 50.1 Imbuhan Tetap;
- 50.2 Bayaran Insentif; dan
- 50.3 Elaun-elaun Bayaran Balik Perbelanjaan dan Tanggungjawab Tambahan.

Elaun Yang Dikekalkan

51. Bersesuaian dengan prinsip dan kriteria pemberian elaun di perenggan 48 dan 49, beberapa elaun yang diberi kepada anggota perkhidmatan awam dikekalkan mengikut kadar dan syarat Laporan JKK 1976, melainkan sekiranya dipinda. Ini termasuk elaun-elaun bagi Jawatan Utama dan Gred Khas. Elaun-elaun yang dikekalkan adalah seperti di **Lampiran D1**.

Elaun Baru

52. Di bawah SSB, beberapa elaun baru diperkenalkan seperti berikut:

- 52.1. **Bayaran Balik Letak Kereta** diberi kepada anggota perkhidmatan awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa ruang letak kereta di pejabat. Jumlah tuntutan Bayaran Balik Letak Kereta dihadkan kepada **\$30.00** sebulan **berdasarkan resit**.
- 52.2. **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal** diberi kepada anggota dalam Perkhidmatan Kritikal kecuali anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Kadar bayaran bulanan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Kadar Daripada Gaji Pokok
(i) Kumpulan Pengurusan dan Profesional	5%
(ii) Kumpulan Sokongan	10%

Anggota yang layak menerima bayaran ini adalah seperti di **Lampiran B5**.

- 52.3. **Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Gred Khas** diberi kepada anggota dalam Jawatan Utama dan Gred Khas mengikut kadar-kadar bulanan seperti di **Lampiran D2**.

Elaun Yang Digugurkan

53. Beberapa elaun digugurkan kerana tidak menepati prinsip dan kriteria pemberian elaun seperti ditetapkan. Sebahagian daripada elaun-elaun itu didapati tidak sesuai diteruskan lagi kerana anggota yang menjalankan tugas-tugas tersebut boleh dilengkapi dengan alat-alat keselamatan yang sesuai. Sebahagian daripada perbelanjaan itu juga didapati sesuai ditanggung oleh Jabatan. Elaun-elaun yang digugurkan mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah seperti di **Lampiran D3**.

54. Elaun Khas Berpencen Jurubahasa/Penterjemah diberi secara Khas Untuk Penyandang kepada anggota yang sedang menerima elaun tersebut atas syarat dan kadar mengikut Laporan JKK 1976.

55. Elaun-elaun berikut tidak lagi dibayar kepada anggota tetapi, jika perlu, perbelanjaan bagi maksud elaun tersebut hendaklah ditanggung oleh Jabatan mulai 1 Januari 1992. Elaun-elaun yang terlibat adalah seperti berikut:

- 55.1 Elaun Makanan (*Meal Allowance*);
- 55.2 Elaun Keraian bagi anggota yang terkebawah daripada Tingkatan Tertinggi ‘G’;
- 55.3 Elaun Keraian Bahagian Siasatan, Badan Pencegah Rasuah bagi anggota yang terkebawah daripada Tingkatan Tertinggi ‘G’; dan
- 55.4 Elaun Catuan Bekalan Makanan Kakitangan Hospital Bertugas Malam.

Prinsip Dan Kriteria Pemberian Kemudahan

56. Pemberian kemudahan ditetapkan sebagai satu **keistimewaan** yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa, jika didapati perlu. Ia juga hendaklah diberi dengan **saksama** kepada anggota yang layak. Kemudahan-kemudahan dipertimbang berdasarkan kepada kriteria-kriteria **kebijakan** serta **peningkatan kepada perkhidmatan** dan **status anggota perkhidmatan awam**.

Kemudahan Yang Dikekalkan

57. Bersesuaian dengan prinsip dan kriteria pemberian kemudahan dalam SSB, beberapa kemudahan yang diberi kepada anggota perkhidmatan awam sekarang dikekalkan mengikut syarat dan kadar Laporan JKK 1976, melainkan sekiranya dipinda. Kemudahan-kemudahan yang dikekalkan adalah seperti di **Lampiran D4**.

Kemudahan Baru

58. Di bawah SSB, beberapa kemudahan baru diperkenalkan seperti berikut:

- 58.1 **Cuti Menjaga Anak** bertujuan memberi peluang kepada ibu untuk menyusu dan menjaga bayinya. Dengan kemudahan ini, anggota wanita boleh dipertimbangkan **cuti tanpa gaji sehingga 90 hari** sebaik sahaja habis tempoh 42 hari cuti bersalin. Jika anggota tidak menggunakan kesemua 90 hari cuti tersebut, baki cuti tanpa gaji yang tidak digunakan akan luput. Kemudahan ini dihadkan kepada **lima kali** sepanjang tempoh perkhidmatan;
- 58.2 **Cuti Isteri Bersalin** diberi kepada anggota lelaki selama **tiga hari** sebagai **cuti tanpa rekod** untuk membantu urusan semasa isteri bersalin, sekiranya anggota itu **kehabisan cuti rehat** yang anggota berkelayakan pada masa itu. Kemudahan ini juga diberi kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan. Kemudahan ini dihadkan kepada **lima kali** sepanjang perkhidmatan;
- 58.3 **Kemudahan Pinjaman Membeli Komputer** diberi kepada anggota untuk memiliki komputer peribadi supaya dapat **meningkat keupayaan menjalankan tugas** selaras dengan perkembangan pesat dalam teknologi pengurusan. Pekeliling yang berasingan mengenai perkara ini akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia;
- 58.4 **Keahlian dalam Kelab Rekreasi** bertujuan untuk menggalakkan anggota Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional menganggotai salah satu kelab yang disenaraikan. Peruntukan ini bertujuan meningkatkan interaksi mereka dengan pihak-pihak lain seperti eksekutif-eksekutif sektor swasta. Pekeliling yang berasingan mengenai perkara ini akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia;
- 58.5 **Kemudahan Mengurus Jenazah** bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan diberi sebagai tanda penghormatan terakhir dan untuk menghargai bakti mereka kepada negara. Kemudahan ini diberi seperti berikut:
 - (i) jumlah sebanyak \$1,000 diberi kepada keluarga anggota bagi tujuan menguruskan jenazah;
 - (ii) kemudahan yang diperuntukkan untuk tambang pengangkutan jenazah seperti dalam perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978, dipanjangkan juga kepada semua anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Kaedah pengangkutan jenazah yang sesuai dan berpatutan hendaklah digunakan; dan
 - (iii) kemudahan ini tidak meliputi ahli keluarga yang meninggal dunia dan juga tambang untuk pengiring;
- 58.6 **Rawatan untuk keluarga anggota** dipanjangkan kepada **ibu bapa** yang sah (*legal parents*). Kemudahan ini dihadkan kepada rawatan di hospital Kerajaan sahaja dan tidak termasuk pembekalan alat-alat ortopedik serta anggota palsu (*artificial limbs*). Kemudahan ini hanya diberi semasa anggota di dalam perkhidmatan sahaja.

Kemudahan Yang Digugurkan

59. **Pengumpulan Cuti Rehat Luar Biasa** (Perintah Am 12 Bab ‘C’) dan **Cuti Pemulihan** (Perintah Am 23 Bab ‘C’) digugurkan.

Kaedah Baru Pembayaran Elaun dan Pemberian Kemudahan

60. Beberapa kaedah pembayaran elaun dan pemberian kemudahan mengikut Laporan JKK 1976 perlu diubahsuai kepada **Klasifikasi Perkhidmatan, Gred Perkhidmatan dan Tanggagaji dalam MSS**. Di mana berkaitan, penetapan kadar serta kelayakan bagi elaun dan kemudahan yang diberi berasaskan kaedah di atas adalah berpandukan kepada **Kategori** anggota mengikut **Jadual Pemberian Elaun dan Kemudahan** seperti di **Lampiran D5**.

61. Kelayakan serta kadar elaun dan pemberian kemudahan yang dipinda berasaskan kepada kaedah baru adalah seperti di **Lampiran D6** dan **D7**.

Elaun dan Kemudahan Bagi Anggota Yang Berkhidmat Di Luar Negeri

62. Pekeling mengenai elaun dan kemudahan bagi anggota yang berkhidmat di luar negeri akan dikeluarkan secara berasingan.

SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

63. Pada keseluruhannya, syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada masih terpakai tertakluk kepada beberapa pengubahsuaian tertentu.

Perlantikan

64. Had umur maksimum tidak dijadikan syarat wajib bagi lantikan ke perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, calon yang dilantik pertama kali ke perkhidmatan awam hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.

65. Anggota yang dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan boleh dilantik semula ke perkhidmatan awam jika disahkan sihat dan berkeupayaan untuk menjalankan tugas-tugas dengan sempurna oleh sebuah **Panel Perubatan** dan dipersetujui oleh **Jemaah Pegawai**. Perlantikan semula ini adalah berdasarkan peraturan-peraturan yang akan ditetapkan kemudian.

Tempoh Percubaan

66. Anggota yang dilantik ke perkhidmatan awam perlu melalui tempoh percubaan selama tiga tahun. Anggota yang dilantik sebelum 1 Januari 1992 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tersebut, dikehendaki memenuhi tempoh percubaan selama tiga tahun yang dikira daripada tarikh perlantikannya.

67. Bagi semua lantikan baru pada atau selepas 1 Januari 1992, anggota dikehendaki mengikuti **Kursus Induksi** sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Kursus Induksi akan juga mengambil alih Peperiksaan Am Kerajaan sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi semua lantikan Kumpulan A dan B sebelum 1 Januari 1992. Walau bagaimanapun, anggota akan diberi pilihan sama ada mengambil Peperiksaan Am Kerajaan atau mengikuti Kursus Induksi dalam baki tempoh percubaannya. Peperiksaan Am Kerajaan akan hanya diadakan sehingga **akhir tahun 1994**.

68. Di bawah SSB, Peperiksaan Perkhidmatan Kedua untuk tujuan melangkah sekatan kecekapan yang disyaratkan di dalam skim-skim perkhidmatan Kumpulan C dan D dimansuhkan.

Pemberian Taraf Berpencen

69. Anggota yang telah **disahkan dalam perkhidmatan dan genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan** yang boleh dimasukkan, layak diperakuan oleh Ketua Jabatannya untuk diberi taraf berpencen.

Prinsip Penetapan Gaji Masuk

70. Penetapan gaji masuk hendaklah mengikut prinsip berikut:

70.1 bagi lantikan pertama kali ke perkhidmatan awam atau bagi anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatannya serta dilantik pula ke suatu jawatan baru atau ke dalam perkhidmatan yang lain:

- (i) gaji permulaan anggota akan ditetapkan pada **P1T1** dalam *MSS* bagi jawatan yang akan disandangnya;
- (ii) Pihak Berkuasa Melantik boleh menimbang pemberian gaji yang lebih tinggi mengikut perkiraan **satu pergerakan matagaji bagi satu tahun genap pengalaman** bagi anggota yang mempunyai pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang akan

disandangnya. Penetapan gaji masuk yang berdasarkan kepada pengalaman yang sesuai hendaklah diselaraskan pada **P1** dan **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan yang berkenaan. Bagi pengisian jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, pengalaman yang sesuai adalah dikira selepas anggota berkenaan mendapat kelulusan iktisas atau akademik; **atau**

- (iii) gaji permulaan bagi seseorang yang dilantik ke jawatan yang memerlukan bakat dan kemahiran seperti disyaratkan oleh skim perkhidmatannya akan ditetapkan oleh sebuah **Panel Penilaian** yang akan ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Melantik. Gaji masuk tersebut akan diselaraskan pada **P1** dan **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan yang akan disandangnya.
- 70.2 gaji permulaan bagi anggota yang telah **disahkan** dalam perkhidmatan dan **dilantik** ke suatu **jawatan baru** atau ke dalam perkhidmatan yang lain:
- (i) anggota akan ditawarkan gaji permulaan, **P1T1** dalam *MSS* jawatan baru yang berkaitan sekiranya gaji jawatan lamanya lebih rendah daripada gaji permulaan dalam tanggagaji jawatan baru; **atau**
 - (ii) anggota hendaklah ditawarkan **matagaji yang lebih tinggi berhampiran** dengan gaji hakiki dalam jawatan lamanya pada **P1** dan **Tangga** yang bersesuaian dalam *MSS* bagi jawatan barunya sekiranya gaji jawatan lamanya adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred gaji jawatan barunya;
- 70.4 Pihak Berkuasa Melantik juga boleh meletakkan seseorang calon atau anggota yang mempunyai kelayakan-kelayakan khas pada mana-mana **Tangga** atas **P1** dalam *MSS* bagi sesuatu jawatan yang berkenaan.

Prinsip Penetapan Gaji Bagi Kenaikan Pangkat

71. Gaji anggota yang dinaikkan pangkat hendaklah ditetapkan seperti berikut:

- 71.1 anggota berkenaan akan ditawarkan **gaji permulaan, P1T1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat sekiranya gaji akhirnya lebih rendah daripada gaji permulaan dalam Gred kenaikan pangkat;
- 71.2 anggota berkenaan akan ditawarkan gaji di **matagaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhirnya** pada **P1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat jika gaji akhirnya sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam Gred kenaikan pangkat; **atau**
- 71.3 jika gaji **akhirnya adalah lebih tinggi** daripada **tanggagaji maksimum** pada **P1** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat, gajinya hendaklah **diselaraskan** pada **P2**. Jika gaji akhirnya adalah juga **lebih tinggi** daripada **tanggagaji maksimum pada P2**, gajinya hendaklah **diselaraskan** pada **P3** dalam *MSS* bagi Gred kenaikan pangkat. Kaedah penetapan gaji hendaklah pada matagaji yang lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhirnya.

Pergerakan Gaji Tahunan

72. Pergerakan gaji tahunan akan diasaskan kepada **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan**. Pergerakan gaji tahunan dalam *MSS* akan dipertimbangkan mengikut salah satu daripada empat cara pergerakan iaitu:

- 72.1 statik;
- 72.2 mendatar;
- 72.3 menegak; **atau**
- 72.4 melintang.

73. Anggota yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan serta genap tiga tahun perkhidmatan layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Pelaksanaan empat pergerakan gaji hanya akan bermula pada atau selepas 1 Januari 1993.

74. Anggota yang dilantik mulai 1 Januari 1992 dikehendaki melalui tempoh perkhidmatan genap tiga tahun dan disahkan dalam perkhidmatan sebelum layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji.

75. Anggota yang berada dalam tempoh percubaan atau yang dilanjutkan **tempoh percubaan tanpa berdenda** hanya layak dipertimbangkan untuk pergerakan gaji secara statik atau mendatar. Anggota yang dilanjutkan **tempoh percubaan dengan berdenda** tidak layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan.

76. Anggota yang berjaya disahkan dalam perkhidmatan selepas dilanjutkan tempoh percubaannya dengan berdenda, layak dipertimbangkan untuk mendapat pergerakan gaji tahunan seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 83.

77. Anggota yang **bercuti separuh gaji** atau **bercuti tanpa gaji** berjumlah tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender adalah layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Anggota yang **bercuti separuh gaji** atau **bercuti tanpa gaji** melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan.

78. Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi enam bulan, layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan secara isyarat tertakluk kepada laporan kemajuan kursus.

79. Anggota yang pertama kali dilantik secara sementara pada atau selepas 1 Januari 1992, akan diberi pergerakan gaji tahunan secara **statik** atau **mendatar** selama tempoh **tiga tahun** sahaja. Selepas tempoh tiga tahun, pergerakan gaji tahunan adalah statik dan kedudukan mereka akan dikaji semula.

80. Anggota yang pertama kali dilantik atau dilantik semula secara **kontrak** pada atau selepas 1 Januari 1992 layak diberi pergerakan gaji tahunan secara statik atau mendatar berdasarkan kepada Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.

81. Anggota yang dilantik secara pertukaran sementara atau pinjaman, layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan mengikut salah satu daripada empat cara pergerakan di atas tanggagaji jawatan pertukaran sementara atau pinjaman. Pergerakan gaji tahunan di atas tanggagaji jawatan hakikinya hendaklah diselaraskan secara isyarat. Sekiranya tanggagaji di atas pertukaran sementara atau pinjaman adalah tanggagaji selapis, **pergerakan gaji tahunan secara isyarat di atas tanggagaji jawatan hakiki** akan berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh pihak majikan di tempat anggota itu bertugas.

Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan

82. Tarikh pergerakan gaji tahunan ditetapkan kepada empat tarikh pergerakan sahaja dalam setahun seperti dijelaskan di perenggan 36.

83. Tarikh pergerakan gaji tahunan bagi anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan selepas tempoh percubaannya dilanjutkan dengan berdenda akan berubah kepada tarikh pergerakan gaji tahunan yang baru pada tahun berikutnya, selepas tarikh beliau disahkan dalam perkhidmatan, iaitu, seperti berikut:

- 83.1 jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Januari hingga 31 Mac**, maka tarikh pergerakan gaji yang baru ialah pada **1 Januari**;
- 83.2 jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 April hingga 30 Jun**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 April**;
- 83.3 jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Julai hingga 30 September**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Julai**; dan
- 83.4 jika tarikh anggota disahkan dalam perkhidmatan jatuh pada tarikh di antara **1 Oktober hingga 31 Disember**, maka tarikh pergerakan gajinya yang baru ialah pada **1 Oktober**.

Kenaikan Pangkat Dan Sistem Penilaian Prestasi

84. Kenaikan pangkat ialah peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan anggota yang berkenaan.

85. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan prestasi cemerlang dalam aspek-aspek penghasilan kerja, sifat-sifat peribadi yang utuh, daya kepimpinan dan berpotensi tinggi.

86. Pada dasarnya, **kenaikan pangkat** adalah **tertakluk kepada kekosongan jawatan** kecuali bagi perkhidmatan tertentu yang tidak mensyaratkan kekosongan jawatan.

87. Kenaikan pangkat ini boleh berlaku dalam dua keadaan, iaitu, secara **biasa** dan **luar biasa**. Tertakluk kepada perenggan 86 di atas, anggota yang mempunyai prestasi cemerlang dan berpotensi tinggi boleh dinaikkan pangkat secara **luar biasa** dalam tempoh yang lebih singkat daripada anggota lain yang dinaikkan pangkat secara biasa.

88. Sebagai kaedah utama untuk mengukur kebolehan, prestasi dan kecekapan anggota, khusus bagi tujuan pergerakan gaji dan lain-lain fungsi pengurusan personel, **borang-borang Laporan Nilaian Prestasi Tahunan** telah digubal semula supaya lebih objektif. Di antara elemen penting yang diberi penekanan di dalam borang ini ialah aspek penetapan hasil kerja (*target setting*), keperluan penyeliaan oleh pegawai atasan termasuk memberitahu pencapaian prestasi dan kelemahan pegawai yang diselia. Di samping itu, anggota dalam Kumpulan Sokongan di bawah SSB (khususnya Kumpulan D Laporan JKK 1976) yang sekarang tidak diperuntukkan borang Penilaian Prestasi Tahunan akan disediakan borang penilaian prestasi yang khusus. Satu Pekeliling Perkhidmatan mengenai Sistem Penilaian Prestasi akan disediakan secara berasingan.

Elaun Gabungan Gred

89. Anggota yang memangku jawatan yang lebih tinggi di bawah Laporan JKK 1976 dan menerima opsyen SSB, layak dibayar **Elaun Gabungan Gred** (EGG) sekiranya jawatan hakikinya telah digabungkan dengan jawatan yang dipangkunya dalam satu gred di bawah SSB.

90. Amaun EGG dikira berdasarkan perbezaan di antara gaji pokok hakiki anggota dengan gaji permulaan jawatan yang dipangkunya, setelah diselaraskan kepada gaji MSS pada 1 Januari 1992.

91. EGG akan dibayar sehingga gaji hakiki anggota mendapat pergerakan ke tangga yang bersamaan dengan matagaji permulaan bagi jawatan yang dipangkunya atau sehingga 31 Disember 1992 mengikut mana yang terdahulu.

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Faedah-faedah Persaraan

92. Pada umumnya, peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pencen 1980, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta Penghitungan Semula Pencen 1980 dan Akta Penyelarasaran Pencen 1980 adalah dikekalkan melainkan sekiranya dipinda selaras dengan hasrat dan matlamat SSB.

Tempoh Perkhidmatan Yang Terputus

93. Tempoh perkhidmatan yang terputus kerana bercuti tanpa gaji untuk berkursus boleh diambilkira bagi tujuan perkiraan faedah persaraan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- 93.1 anggota yang berkursus telah diberi kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau tanpa biasiswa;
- 93.2 kursus yang diikuti itu berkaitan dengan perkhidmatan; dan
- 93.3 anggota itu kembali bertugas dengan Kerajaan selepas tamat kursus.

94. Bagi tempoh perkhidmatan yang terputus atas sebab-sebab yang diizinkan dan diselangi dengan perkhidmatan di sektor swasta sebelum berkhidmat semula dengan Kerajaan, hanya tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan boleh diambilkira untuk tujuan perkiraan faedah persaraan.

Persaraan Pilihan Sendiri

95. Anggota sektor awam yang bersara secara pilihan sendiri apabila mencapai umur 40 tahun layak menerima ganjaran perkhidmatan dan bayaran gantian cuti rehat pada tarikh persaraan pilihan sendiri.

OPSYEN DAN PILIHAN SENDIRI

Opsyen

96. Opsyen hanya akan diberi kepada anggota **bertaraf tetap** yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 1992. Anggota tetap adalah yang dilantik ke jawatan tetap termasuk yang dalam percubaan, tukar sementara dan pinjaman. Contoh surat tawaran opsyen dan borang pilihan sendiri SSB adalah seperti di **Lampiran E1** dan **Lampiran E2**.

97. Opsyen tidak diberi kepada anggota yang bertaraf sementara, sangkut, sambilan, sandaran dan kontrak.

Tempoh Opsyen

98. Opsyen hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan mulai **1 Januari 1992 hingga 31 Mac 1992**. Anggota yang tidak membuat pilihan sendiri atau tidak menyerahkan borang pilihan sendiri kepada **Ketua Jabatan** sebelum atau pada 31 Mac 1992 disifatkan sebagai menolak tawaran SSB.

Pelaksanaan Opsyen

99. Pelaksanaan opsyen adalah seperti berikut:

- 99.1 bagi anggota yang telah menerima opsyen ini dengan terma-terma dan syarat-syarat dalam surat tawaran opsyen tetapi selepas daripada penerimaan tersebut meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya terbatal;
- 99.2 bagi anggota yang sebelum 1 Januari 1992 atau pada bila-bila masa sehingga 31 Mac 1992 ditarikh kerja atau digantung kerja atau surat pertuduhan dengan tujuan buang kerja telah dikeluarkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan dengan sewajarnya melainkan jika, dalam tempoh opsyen, Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja; **dan**
- 99.3 bagi anggota yang sebelum 1 Januari 1992 atau pada bila-bila masa sehingga 31 Mac 1992 dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan dengan sewajurnya melainkan jika, dalam tempoh opsyen Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja.

Anggota Yang Cuti Berkursus Atau Bercuti Tanpa Gaji Dalam Tempoh Opsyen

100. Anggota yang cuti berkursus atau bercuti tanpa gaji dalam tempoh opsyen hendaklah ditawarkan opsyen oleh Ketua Jabatan terakhir di mana anggota bertugas.

Anggota Yang Bersara Dalam Tempoh Opsyen

101. Anggota yang bersara dalam tempoh opsyen tetapi tidak termasuk anggota yang dibersarakan atas alasan pekerjaan anggota itu ditamatkan demi kepentingan awam di bawah Seksyen 10 (5) (d) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Seksyen 10 (5) (d) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) hendaklah ditawarkan opsyen oleh Ketua Jabatan.

Anggota Yang Meninggal Dunia Dalam Tempoh Opsyen

102. Anggota yang belum membuat pilihan sendiri dan meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 1992 sehingga 31 Mac 1992 adalah disifatkan sebagai menerima gaji dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan baru mengikut Pekelingling ini.

Syarat-syarat Opsyen

103. Opsyen hendaklah dibuat tanpa syarat. Anggota tetap yang membuat opsyen dengan bantahan atau dengan syarat-syarat tambahan atau sebagainya akan disifatkan menolak tawaran itu.

104. Opsyen yang ditawarkan kepada anggota tetap adalah berdasarkan kepada butir-butir perkhidmatan dalam borang tawaran opsyen. Dalam keadaan di mana terdapat pemberian butir-butir yang salah yang menyebabkan tawaran yang salah diberikan, maka tawaran tersebut hendaklah dianggap batal serta tidak sah dan satu **tawaran baru** akan dikeluarkan.

105. Opsyen yang dibuat oleh anggota adalah muktamad.

JENTERA PENYELESAIAN TUNTUTAN ANOMALI

Tuntutan Anomali

106. Dalam urusan pemindahan ke sistem saraan dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini mungkin terdapat perkara-perkara yang dianggap sebagai anomali seperti ditakrifkan di bawah **Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977**. Untuk membolehkan anggota yang terkilan itu mengemukakan tuntutan-tuntutan anomali kepada Kerajaan, pindaan-pindaan tertentu akan dibuat kepada Akta tersebut.

Rujukan Anomali

107. Apabila pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan tuntutan-tuntutan boleh dikemukakan **terus** kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tanpa melalui Ketua Jabatan. Sekiranya tuntutan-tuntutan itu tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan, anggota yang berkenaan boleh merujuk tuntutan yang sama kepada Tribunal Perkhidmatan Awam untuk mendapat keputusan muktamad.

GARIS PANDUAN

108. Garis Panduan mengenai pelaksanaan SSB akan diedarkan secara berasingan.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN YANG PERLU DIUBAHSUAI ATAU DIMANSUHKAN

109. Perbekalan dalam Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992. Tindakan akan diambil untuk meminda, mengubahsuai serta memansuhkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan bagi menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

110. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB),
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA.

23 Disember 1991

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

LAMPIRAN D1

SENARAI ELAUN YANG DIKEKALKAN

SENARAI ELAUN YANG DIKEKALKAN

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
A. Imbuhan Tetap		
1. Bayaran Bantuan Sewa Rumah		Imbuhan Tetap Perumahan
2. Elaun Keraian		Imbuhan Tetap Keraian
3. Elaun Khidmat Awam		Imbuhan Tetap Khidmat Awam
B. Bayaran Insentif		
1. Elaun Gantian Tetap Bomba		Bayaran Insentif Bomba
2. Elaun Kemahiran Dua Bahasa Bagi Jurutrengkas		Bayaran Insentif Kemahiran Dua Bahasa Bagi Jurutrengkas
3. Elaun Khas Atendan Bilik Mayat		Bayaran Insentif Atendan Bilik Mayat
4. Elaun Khas Badan Pencegah Rasuah		Bayaran Insentif Badan Pencegah Rasuah
5. Elaun Khas Buruh Angkat Najis		Bayaran Insentif Angkat Najis
6. Elaun Pakar		Bayaran Insentif Pakar
7. Elaun Pemeriksa Kapal Terbang		Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang
8. Elaun-elaun Sukarelawan Pertahanan Awam		Bayaran Insentif Sukarelawan Pertahanan Awam
9. Elaun Wilayah		Bayaran Insentif Wilayah
10. <i>Shunting Staff Bonus</i>		Bayaran Insentif <i>Shunting Staff</i>
11. Elaun Bahasa		Bayaran Insentif Bahasa
12. Elaun Diploma Kesihatan		Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam
13. Elaun Khas Guru-guru Mengajar Murid-murid Cacat Pendengaran Dan Penglihatan		Bayaran Insentif Mengajar Kanak-kanak Cacat
14. Elaun Tugas Menaip Jawi		Bayaran Insentif Menaip Jawi
15. Elaun Gerakan Malim (Bonus)		Bayaran Insentif Gerakan Malim
16. Elaun Juruterbang Jabatan Penerbangan Awam		Bayaran Insentif Penerbangan (Jabatan Penerbangan Awam)
17. Elaun Penerbangan, Jabatan Ukur/Jabatan Perikanan/Jabatan Kajicuaca		Bayaran Insentif Perudara
18. Elaun Perudara Kementerian Kesihatan		Bayaran Insentif Perudara Kementerian Kesihatan
19. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Jangkitan Penyakit Tibi		Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Tibi
20. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Jangkitan Penyakit Kusta		Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Kusta
21. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya Kerana Merawat Pesakit Otak		Bayaran Insentif Bagi Anggota Perubatan Kerana Merawat Pesakit Otak
22. Elaun Khas Menyelam		Bayaran Insentif Menyelam

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
23.	Elaun Khas Pencegah Jabatan Kastam	Bayaran Insentif Pencegah Jabatan Kastam
24.	Elaun Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan (UPP)
25.	Elaun Khas Setiausaha Hakim	Bayaran Insentif Setiausaha Hakim
26.	Elaun Gantian Tetap Pegawai-pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan)	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara (Jabatan Perhilitan)
27.	Elaun Kesusahan Taman Negara	Bayaran Insentif Kesusahan Bertugas Di Taman Negara
28.	Elaun Hidup Susah	Bayaran Insentif Pedalaman
29.	Elaun Khas Selatan Thailand	
30.	Elaun Singapura	Bayaran Insentif Thailand dan Singapura
31.	Tambahan Elaun Singapura	
 C. Elaun Tanggungjawab Tambahan/ Bayaran Balik Perbelanjaan		
1.	Elaun Pembantu Khas	Tidak Berubah
2.	Elaun Tugas Khas Pegawai Jabatan Penjara	Tidak Berubah
3.	Elaun Sebat	Tidak Berubah
4.	Elaun Tanggungjawab Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	Tidak Berubah
5.	Elaun Tugas Memandu Kenderaan	Tidak Berubah
6.	Elaun Pentadbiran Perubatan Hospital	Tidak Berubah
7.	Elaun Pegawai Perubatan Yang Dilantik Sebagai Pendaftar	Tidak Berubah
8.	Elaun Warden Asrama	Tidak Berubah
9.	Elaun Penyelia Bilik Taip	Tidak Berubah
10.	Elaun Memangku	Tidak Berubah
11.	Elaun Tanggungan Kerja	Tidak Berubah
12.	Bayaran Saguhati Pensyarah Sambilan	Tidak Berubah
13.	Bayaran Syarahan Sambilan	Tidak Berubah
14.	Elaun Khas Mengendali Reaktor Nuklear	Tidak Berubah
15.	Elaun Pejabat Pos Bergerak	Tidak Berubah
16.	Elaun Gerakan Pos	Tidak Berubah
17.	Elaun Pesuruhjaya Sumpah	Tidak Berubah
18.	Elaun Tilikan Trig (<i>Trigonometric Observation Allowance</i>)	Tidak Berubah
19.	Elaun Tugas Khas Penolong Pengurus Trafik	Tidak Berubah
20.	Elaun Tugas Khas Pentadbiran	Tidak Berubah
21.	Elaun Operator <i>Generator</i> Elektrik	Tidak Berubah

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
22.	Elaun Menyelia Kelas Malam	Tidak Berubah
23.	Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah	Tidak Berubah
24.	Elaun <i>Varytyper</i>	Tidak Berubah
25.	Elaun Perjalanan Bagi Anggota Yang Menggunakan Kenderaan Yang Bukan Kepunyaan Sendiri Semasa Menjalani Tugas Rasmi	Tidak Berubah
26.	Elaun Semasa Menghadiri Peperiksaan Atau Temuduga Di Bawah Urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)	Tidak Berubah
27.	Elaun Gantian Tetap Perbatuan Di Badan-badan Berkanun	Tidak Berubah
28.	Elaun Makan	Tidak Berubah
29.	Elaun Harian	Tidak Berubah
30.	Elaun Perjalanan Motobot/ atau Motosangkut	Tidak Berubah
31.	Bayaran Perbelanjaan Pengangkutan	Tidak Berubah
32.	Bayaran Semasa Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Ibu Pejabat - Belanja Pelbagai	Tidak Berubah
33.	Bayaran Bantuan Gaji Drebar	Tidak Berubah
34.	Elaun Bantuan Gaji Drebar	Tidak Berubah
35.	Bayaran Balik Lesen Memandu	Tidak Berubah
36.	Elaun Dan Bayaran Balik Kerana Menghadiri Istiadat Pengurniaan	Tidak Berubah
37.	Elaun Hidup Drebar	Tidak Berubah
38.	Elaun Kerana Hadir Di Mahkamah	Tidak Berubah
39.	Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' Bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada \$914 sebulan	Tidak Berubah
40.	Elaun Untuk Isteri Atau Suami Yang Dikehendaki Mengiringi Anggota Semasa Menghadiri Majlis Rasmi	Tidak Berubah
41.	Elaun Perjalanan Kenderaan Dalam Kawasan Ibu Pejabat Selepas Waktu Pejabat Biasa	Tidak Berubah
42.	Bayaran Balik Sewa Hotel	Tidak Berubah
43.	Elaun Lojing	Tidak Berubah
44.	Elaun Basikal	Tidak Berubah
45.	Tambang Gantian	Tidak Berubah
46.	Elaun Luar Penghulu	Tidak Berubah
47.	Elaun Kadastra	Tidak Berubah

<i>Bil.</i>	<i>Elaun Sekarang</i>	<i>Nama Baru</i>
48.	Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah	Tidak Berubah
49.	Bekalan Elektrik Dan Air Percuma	Tidak Berubah
50.	Bayaran Bantuan Orang Gaji	Tidak Berubah
51.	Elaun Pakaian Panas	Tidak Berubah
52.	Elaun Gantian Tetap	Tidak Berubah
53.	Elaun Gantian Tetap (Bertugas Di Luar Negeri)	Tidak Berubah
54.	Belanja Pelbagai (Bertugas Di Luar Negeri)	Tidak Berubah
55.	Elaun Lebih Masa	Tidak Berubah
56.	Elaun Dan Bayaran Semasa Bertukar Atau Berpindah Rumah Dalam Negeri - Perbelanjaan Pengangkutan	Tidak Berubah
57.	Tuntutan Elaun-elaun Kerana Berpindah Dari Rumah Sewa/Sendiri/Tumpangan Ke Rumah Yang Dibeli Melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Dan Perpindahan Di Luar Kawalan	Tidak Berubah
58.	Bayaran Balik Pspot Terhad	Tidak Berubah
59.	Elaun Perjalanan Kenderaan	Tidak Berubah
60.	Bayaran Perjalanan Kapal Terbang	Tidak Berubah
61.	Tambang Perjalanan Anggota Semasa Lantikan Pertama	Tidak Berubah
62.	Elaun Gangguan	Tidak Berubah
63.	Bayaran Tambang Dan Elaun Hidup Kepada Anggota-anggota Yang Dipanggil Untuk Bertugas Semula Ketika Bercuti Di Malaysia	Tidak Berubah
64.	Bayaran Pakaian Istiadat	Tidak Berubah

LAMPIRAN D2

**IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA
DAN GRED KHAS**

IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA DAN GRED KHAS

<i>Gred</i>	<i>Jawatan Utama</i>	<i>Jawatan Gred Khas</i>
Ketua Setiausaha Negara	\$4,000	—
Utama Turus I	\$3,000	—
Utama Turus II	\$3,000	—
Utama Turus III	\$3,000	—
Gred 'A'	\$2,500	\$2,000
Gred 'B'	\$1,500	\$1,200
Gred 'C'	\$1,000	\$800

LAMPIRAN D3

SENARAI ELAUN YANG DIGUGURKAN

SENARAI ELAUN YANG DIGUGURKAN

1. Elaun Jalur
2. Elaun Keretapi Mel
3. Elaun Khas Pegawai Perubatan Institut Penyelidikan Perubatan
4. Elaun Perintah (*Command Allowance*)
5. Elaun *Pot Plant*
6. Elaun Kelakuan Baik
7. Elaun Bahaya Pancaran *Radiation*
8. Elaun Bisa Ular
9. Elaun Debu
10. Elaun Jentera Pemunggah *Forklift*
11. Elaun Khas Bagi Kakitangan Perubatan Bahaya *Radiation*
12. Elaun *Tower*
13. Elaun Kesusahan Pulau Jerejak
14. Elaun Bukit
15. Elaun Penempatan Khas
16. Elaun Peti Merah
17. Bayaran Tinggal Di Atas Panggilan
18. Bayaran Untuk Pengarah
19. Elaun Menjaga Bagi Ketua Pos
20. Elaun Baju Kot/Pakaian Khas
21. Elaun Alat-alat Perkakas
22. Bayaran Subsidi Bagi Menjadi Ahli Kelab Sarawak
23. Elaun Persekolahan
24. Elaun Galakan Akauntan
25. Elaun Khas Jurutrengkas
26. Elaun Khas Guru-guru Sekolah Orang Asli Di Pedalaman
27. Elaun Khas Perkhidmatan Pendidikan